

KL, Riyadh pererat lagi hubungan

Lawatan tiga hari Perdana Menteri buka ruang teroka kerjasama baharu

Jeddah: Lawatan rasmi Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Arab Saudi selama tiga hari, bermula semalam, akan memberi peluang untuk kedua-dua negara membincangkan isu dan kerjasama sedia ada.

Melalui lawatan berkenaan, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Arab Saudi juga berpeluang meneroka pelbagai bentuk kerjasama baharu.

“Semoga lawatan ini akan terus memperkukuhkan hubungan kedua-dua negara, insya-Allah,” katanya dalam hantaran melalui Facebook beliau, semalam.

Sementara itu, Bernama melaporkan, Anwar selamat tiba di Jeddah bagi memulakan lawatan rasmi sulung ke negara Asia Barat itu selepas menyandang jawatan Perdana Menteri Malaysia Ke-10.

Pesawat khas membawa beliau mendarat di Royal Pavilion, Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz pada jam 6.40 pagi waktu tempatan (11.40 pagi waktu Malaysia).

Anwar diiringi isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir serta Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Ketibaan Anwar disambut Ga-

benor Jeddah, Putera Saud Abdullah Jalawi Al Saud, dengan upacara sambutan rasmi memabitkan kawad statik.

Ia juga adalah lawatan rasmi negara luar ASEAN yang pertama oleh Anwar selepas dilantik menjadi Perdana Menteri pada 24 November tahun lalu.

Anwar bersama delegasi dijadual mengerjakan umrah terlebih dahulu sebelum mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Hissein Brahim Taha serta Setiausaha Agung Liga Dunia Islam (MWL), Sheikh Dr Mohammad Abdulkarim Al-Issa, semalam.

Sepanjang lawatan rasmi itu, Perdana Menteri juga dijadualkan menghadap Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud, dan Putera Mahkota Mohammed Salman Abdulaziz Al-Saud yang juga Perdana Menteri Arab Saudi, di Istana Al-Salam.

Pada 2022, Arab Saudi adalah rakan dagang terbesar, destinasi eksport ketiga terbesar dan sumber import terbesar di rantau Asia Barat, dengan jumlah dagangan dua hala berjumlah RM45.52 bilion (AS\$10.26 bilion), meningkat sebanyak 159.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, eksport ke Arab Saudi meningkat sebanyak 43.8 peratus berjumlah RM7.28 bilion (ASD1.66 bilion), manakala jumlah import dari Arab Saudi mencatat peningkatan sebanyak 205.8 peratus berjumlah RM38.24 bilion (ASD8.60 bilion).



Anwar dan Dr Wan Azizah bersama delegasi Malaysia menunaikan umrah sempena lawatan rasmi Perdana Menteri ke Arab Saudi selama tiga hari bermula semalam.

(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah, berkata lawatan Perdana Menteri dijangka dapat mempertingkatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Arab Saudi di samping meneroka kerjasama dua hala yang baharu.

“Pertemuan ini akan memberi peluang kepada pemimpin berkenaan membincangkan isu dan kerjasama dua hala yang berkepentingan, di samping meneroka peluang kerjasama baharu bagi memperkasakan jalinan hubungan antara kedua-dua negara,” katanya pada sidang media di

sini, semalam.

Beliau berkata, Perdana Menteri juga dijadual mengadakan lawatan ke Bank Pembangunan Islam di sini dan menyampaikan ucap ternaik ketika lawatan terbit.

“Pertemuan ini akan menjadi satu platform bagi Perdana Menteri dan pemimpin berkenaan membincangkan pelbagai isu berkepentingan yang membabitkan Malaysia.

“Pertemuan ini adalah satu wahana bagi Perdana Menteri untuk menerokai peluang ekonomi yang boleh diceburi oleh ahli perniagaan Malaysia di Arab Saudi

serta bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama di rantau Asia Tenggara,” katanya.

Beberapa memorandum persefahaman dijangka ditandatangani membabitkan kerjasama antara agensi kerajaan kedua-dua negara dan pihak swasta, selain Anwar akan turut mengambil peluang beramah mesra dengan rakyat Malaysia di Jeddah.

“Hubungan simbiotik ini memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara daripada kerjasama dilaksanakan dalam pelbagai sektor,” katanya.

BERNAMA